

# USAH PAKSA

## SI KECIL

METRO PHAO 27/106 MC 44

**S**ERING terjadi dalam mendidik kanak-kanak pada peringkat praformal kita hilang idea sekutu untuk membantu dan menyokong perkembangan mereka.

Akhirnya latihan disiapkan si kecil dalam masa singkat. Inilah cabaran ketika mendidik pada peringkat praformal.

Jika latihan diberi terlalu susah, kanak-kanak akan cepat bosan serta tidak mahu mencuba lagi.

Jadi, pendidik serta ibu bapa perlu belajar cara paling efektif mengajar si kecil yang ada kebolehan tersendiri. Situasi sama berlaku apabila kita perlu mengajar kanak-kanak kemahiran menulis.

Minggu lalu anda membaca lima langkah untuk membantu si kecil belajar menulis dengan baik. Langkah seterusnya ialah membantu kanak-kanak memahami kronologi masa dan rentetan peristiwa apabila mula menulis karya kreatif.

Untuk menulis dengan baik, seseorang individu perlu menyusul idea di dalam minadnya sebelum penanya bergerak di kertas. Jika dia gagal berfikir atau fikirannya berkecamuk, proses menulis tidak akan berjalan dengan baik.

Oleh itu, kanak-kanak perlu diberi bantuan bukan hanya memahirkan pergerakan tangan dan jari, tetapi juga perlu dididik untuk berfikir dulu sebelum menulis.

Pastikan anak anda tahu cerita yang mahu dikarang dan apa ingin disampaikan melalui cerita itu. Dia juga perlu tahu apa berlaku di dalam cerita berkenaan dari mula hingga akhir.

Proses ini adalah lakukan minda kasar saja, anda tidak perlu terlalu menekan atau memaksanya kecil. Tambahan pula, matlamat utama anda ialah membantunya mula menulis dan meminatinya kemahiran pening ini.

Jika si kecil sukar menzahirkan ideanya di kertas, anda boleh memberitahu dengan memberi beberapa idea dan saranan seperti nama watak atau bentuk watak yang boleh dimuatkan di dalam cerita, atau menulis nota ringkas yang dapat membantunya mencari jalan cerita yang sesuai dengan kehendaknya.

Anda juga boleh perkenalkan mereka kepada undang-undang atau nahu bahasa yang perlu dikuasai untuk menulis dengan lebih tepat.

Jangan panik jika anak anda lambat menguasai nahu bahasa yang dia pelajari kerana proses ini berlaku secara beransur-ansur. Jika dia mempelajari bah-

sa kedua atau ketiganya pula, anda perlu memberi penerangan supaya dia tahu perbezaan di antara semua bahasa yang dipelajari.

Penerangan ini dapat mengurangkan kekeliruan dan membantu anak anda supaya tidak mencampur-adukkan semua bahasa dipelajarinya.

Kanak-kanak sentiasa mahu tahu mengenai sistem yang menguasai bahasa yang mereka pelajari. Mereka sedar setiap bahasa ada sistemnya sendiri yang perlu digunakan supaya hasil tulisan mereka boleh difahami oleh orang lain.

Walaupun kanak-kanak pasti melakukan kesilapan kerana lajai, keliru atau terlupa, lambat-laun mereka akan berjaya menguasai nahu sepertutnya.

Di samping itu, ajar anak anda menulis menggunakan huruf kecil apabila memberi contoh atau menulis sesuatu perkataan untuk mereka baca. Pakar perkembangan yang mengkaji kanak-kanak sepersudah, lebih mudah untuk mereka berlatih dan memahami corak huruf dengan cara ini.

Kanak-kanak pada peringkat awal praformal didapati kurang selesa apabila disuruh menulis dengan huruf besar saja. Akibatnya, tulisan mereka berubah saiz dan tidak seperti bentuk perkataan rumi yang kita guna pakai setiap hari.

Tidak diketahui kenapa perkara ini berlaku, tetapi ia mungkin berkaitan dengan skema minda kanak-kanak yang masih berbezra berbanding orang dewasa.

Malah, orang dewasa pun menulis dengan perlahan jika perlu menulis dengan huruf besar saja.

Jika mereka perlu meniru sesuatu huruf atau perkataan, kanak-kanak lebih senang meniru dan membentuk huruf serta perkataan ditulis menggunakan huruf kecil. Oleh itu, latihan menulis yang diberikan kepada kanak-kanak, sama ada di rumah atau tadika, perlu menuhi prasyarat ini.

Seterusnya, anda mungkin mahu membuat sebuah 'bank perkataan' yang boleh dipaparkan sebagai poster atau dilukis di papan putih. Bank perkataan sebenarnya mudah dibuat. Ia hanya senarai perkataan yang lazim digunakan anak anda. Perkataan ini dikumpulkan dan dipaparkan sebagai rujukan kepada si kecil apabila mahu berkomunikasi secara lisan atau bertuliskan.

Bank perkataan itu membolehkan anak anda memahami hubung-kait antara perkataan yang disebut dengan lidah dan



Oleh AIRIL HAIMI ADNAN  
airil@ineone.net  
(Saintis Sosial, Perunding Pakar dan Pro-Eksekutif,  
Unit Penyelidikan & Pembangunan Intelek  
UITM Perak)

yang ditulis dengan jari. Dia perlu membina perkaitan ini supaya boleh belajar menulis dan bertutur dengan lebih cekap dan mudah.

Dalam bank perkataan dise-diakan, pastikan anda melukis banyak kotak kecil di mana perkataan kegemaran anak anda disenaraikan. Pastikan juga banyak kotak kosong dilukis supaya lebih banyak perkataan dapat ditambah pada masa depan apabila anak semakin menguasai kemahiran menulis dan membaca.

Bahagikan setiap perkataan di dalam bank itu kepada tiga kumpulan iaitu perkataan lazim, perkataan yang digemari dan perkataan yang sukar dikuasai anak anda dengan harapan dia boleh melihat dan mempelajari semua perkataan itu.

Ibu bapa atau pendidik pra-sekolah perlu peka, keupayaan setiap anak untuk menguasai kemahiran menulis berbeza dengan kanak-kanak lain.

Bagaimanapun, anda perlu menilai beberapa dimensi penulisan anak di bawah jagaan anda untuk memastikan dia tidak mengalami kesulitan. Pertama, perhatikan ciri hurufnya, adakah ia terlalu besar, terlalu kecil atau tidak sekata. Si kecil perlu belajar menulis huruf sekata, tidak terlalu kecil atau besar dan saiz tulisannya juga perlu konsisten.

Kedua, adakah ruang di antara huruf dan ruang di antara perkataan kelihatan sekata? Jika terlalu rapat atau terlalu jauh, ini menyukarkan anak anda membaca apa ditulisi.

Ketiga, dapatkah anda atau anak anda membaca dengan jelas apa ditulisi? Jika tulisan si kecil tidak jelas, dia perlu diberi bantuan lanjut sebagai contoh menukar alat tulis digunakan atau menyediakan tempat belajar yang lebih sesuai dengan saiz fizikalnya.

Terakhir, adakah bentuk huruf ditulisnya seperti yang diajarnya? Dimensi ini kritikal kerana ia boleh menjadi petanda awal bahawa anak anda ada masalah dyslexia yang menyukarkannya membaca dan menulis seperti kanak-kanak lain.